

# UMSKAL tuan rumah iLEAP UMS buat julung kalinya

UB 29.8.2018 A2

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) buat julung kalinya menjadi tuan rumah Integrated Leadership Excellence Acceleration Programme (iLEAP) peringkat UMS, Siri ke-7. 2018.

Seramai 53 pegawai kanan


(Gred 44 – 52) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri iLEAP yang diadakan di Student Learning Centre (SLC), UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 27-29 Ogos 2018.

Pihak penganjur turut menjemput Profesor Adjung

Universiti Teknologi Malaysia Profesor Datuk Razali Mahfar yang juga Chief Consulting Officer, MYLEAP Sdn Bhd sebagai penceramah jemputan.

Pada hari kedua, Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad bersama-sama Razali, Pengarah UMSKAL Prof

Madya Dr Murnizam Haji Halik serta Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah menyertai dua program Jom Sihat iaitu Campus Trail sejauh 2.8km dan bola tampar pantai selain senamrobik di perkarangan bangunan Menara UMSKAL.



NO'MAN (tujuh kiri), Murnizam (enam kanan), Razali (tujuh kanan) dan Zamri (lima kanan) bersama peserta iLEAP menyertai aktiviti Jom Sihat di UMS Labuan.